

HARI : SELASA
TARIKH : 8/10/2019
M/SURAT : 4

Harga petrol RON95 diapungkan

PUTRAJAYA 7 Okt. - Harga Petrol RON95 akan diapungkan bermula awal tahun depan ekoran pelaksanaan Program Subsidi Petrol (PSP).

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, harga bahan api itu akan dikekalkan RM2.08 sehingga 31 Disember ini.

"Bermula tahun depan, harga petrol RON95 diapungkan secara berperingkat (gradual) sehingga setara harga pasaran," katanya dalam sidang akhbar pengumuman Program Subsidi Petrol di sini hari ini.

Tambahnya, penduduk di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan kekal menikmati harga RM2.08 kerana dikecualikan PSP.

"Sekiranya terdapat kenaikan harga tidak munasabah, aduan boleh dikemukakan melalui 1800-886-800, aplikasi telefon pintar EzADU, atau WhatsApp 019-2794317," katanya.